

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT (JERAI)

TARIKH : 9 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN SABRI BIN AZIT minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan status terkini dan jumlah peruntukan yang disalurkan untuk memperbaiki infrastruktur sekolah-sekolah yang rosak akibat bencana kepala air di Daerah Yan Kedah baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited untuk menyediakan infrastruktur pendidikan yang selamat dan kondusif untuk kegunaan murid dan warga sekolah.

Bencana kepala air yang berlaku di Daerah Yan, Kedah telah mengakibatkan kerosakan kepada empat (4) buah sekolah iaitu SK Haji Nyak Gam, SK Langkasuka, SJKC York Khoo dan SMK Yan. Kerosakan yang berlaku adalah seperti kerosakan pada pagar, padang, laluan masuk ke sekolah dan pendawaian elektrik. Selain itu, perabot, peralatan sekolah dan peralatan bengkel turut rosak teruk akibat bencana ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah memperuntukan sebanyak RM2.44 juta untuk kerja-kerja penyelenggaraan bagi membaiki kerosakan infrastruktur di 4 buah sekolah tersebut. Selain itu, KPM juga telah memperuntukan sebanyak RM600,000.00 bagi tujuan penggantian aset khususnya perabot dan peralatan sekolah. Peruntukan tersebut telah disalurkan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Kedah pada 8 September 2021.

Pada masa ini, kerja-kerja penyelenggaraan kecil seperti pembaikan pagar dan cat sedang dijalankan. Semua kerja ini akan dapat disiapkan selewat-lewatnya pada penghujung bulan November 2021. Manakala, kerja-kerja penyelenggaraan besar yang melibatkan struktur bangunan seperti bumbung, pendawaian elektrik, padang dan jalan masuk dijangka siap selewat-lewatnya pada bulan Februari 2022. Bagi tujuan penggantian perabot dan peralatan sekolah, perolehan sedang dijalankan dan dijangka selesai pada penghujung bulan November 2021. Sekolah akan menerima penggantian tersebut secara berperingkat selewat-lewatnya pada 30 November 2021.